

Nama:

Kelas:

Tarikh:

PT3 **Praktis 3: Kata Tugas**

Buku Teks: m.a. 91, 63

Bahagian A
A. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1 "Rajin-rajinlah mengulang kaji pelajaran _____ kalian mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan," nasihat ibu kepada kami.

- A atau C jikalau
B sambil D supaya

2 "Borang pendaftaran ini harus diserahkan _____ guru bertugas pada minggu ini," kata pembantu pejabat itu.

- A ke C kepada
B pada D daripada

3 _____ pengunjung diminta untuk membawa bendera masing-masing semasa Program Ambang Merdeka itu diadakan.

- A Segala C Setengah
B Semua D Masing-masing

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah ini.



4 Para petani itu berehat di _____ pokok yang rendang setelah penat membanting padi.

- A antara C hadapan
B bawah D belakang

B. Ayat-ayat di bawah ini mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B, atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

1 Taklimat ringkas akan disampaikan oleh kedua orang pegawai kepada tiap-tiap kumpulan sebaik sahaja tayangan video ini berakhir. Tiada kesalahan.

A B C D

2 Setelah memastikan bahawa kami sudah masuk ke dalam rumah, ayah pun menutup pintu pagar sambil menguncinya. Tiada kesalahan.

A B C D

Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Janganlah kamu mengulang kaji pelajaran di saat-saat akhir sahaja.

(ii) Syamel sering berdoa agar supaya dia dapat membalas jasa ibu bapanya suatu hari nanti.
